

|                                                  |
|--------------------------------------------------|
| <input checked="" type="checkbox"/> Sinar Hartan |
| <input type="checkbox"/> Sinar Ahad              |
| Tarikh: 23/5/2012                                |
| Hari: RABU M/S: -                                |
| Ruangan: KEMBAR KAMAR                            |

## Pelajari suasana di hospital

SERAMAI 40 siswi Sub Unit Kumpulan IV (C) St John Ambulans Malaysia Universiti Utara Malaysia (UUM) mengadakan aktiviti Sehari Di Hospital Tuanku Fauziah (JHF), Kangar, Perlis.

Sepanjang sehari di sana, mereka berpeluang melihat proses penjagaan dan melayan pesakit di jabatan kecemasan

dan wad kanak-kanak hospital tersebut.

Jurulatihnya, Aznan Abdullah berkata, kerjasama antara hospital dan Pusat Kokurikulum UUM (PKU) ini membolehkan penuntut mempraktikkan ilmu yang dipelajari, selain melaksanakan pembelajaran luar kelas.

"Proses ini seiring dengan hasrat PKU

untuk melakukan transformasi akan cuba mendapatkan pengiktirafan pasukan ini di peringkat kebangsaan agar semua aktiviti dijalankan terus melalui arahan ibu pejabat," katanya.

Menurutnya, buat julung kali pihanknya akan melancarkan hari Bendera St John Ambulans Malaysia.



Siswi Sub Unit Kumpulan IV (C) St John Ambulans Malaysia UUM yang menyertai aktiviti sehari di Hospital Tuanku Fauziah.